



جائزہ مفتی نگرى سلاڠور

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5514 3400 Mufti: 603-5514 3738 Timb. Mufti: 603-5514 3730 Fax: 603-5519 7584
Emel: mail@muftiselangor.gov.my Laman Web: http://www.muftiselangor.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: 401338

selangorku

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ruj. kami : Mufti Sel.500-3 Jld.17 (43)

Tarikh : 14 Sya'ban 1438H

11 Mei 2017

YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar

Pengerusi

Kumpulan Permodalan Nasional Berhad

Tingkat 4, Balai PNB,

201-A, Jalan Tun Razak

50400 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2050 5485

Fax: 03-2161 4227

YBhg. Tan Sri,

**STATUS PELABURAN PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)
BERDASARKAN MAQASID SYARIAH**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-3/2017 yang bersidang pada 27 April 2017 bersamaan 30 Rajab 1438H memutuskan bahawa:

- i. Hukum pelaburan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah harus kerana peratusan pelaburan dalam syarikat patuh syarak telah melepasi 66% mengikut piawaian Suruhanjaya Sekuriti. Pengharusan ini berdasarkan kaedah fiqhiyyah iaitu *الحكم يدور مع علته وجودا وعدما* ertinya "*Hukum Berubah Menurut Perubahan 'Illah (sebab)*";
- ii. PNB hendaklah meneruskan usaha-usaha penambahbaikan bagi memastikan pelaburan tersebut menepati syarak sepenuhnya; dan
- iii. Keharusan hukum pelaburan ini akan dikaji semula selepas 3 tahun dan sekurang-kurangnya peratusan pelaburan patuh syarak melebihi 75%.

3. Mesyuarat juga memutuskan pihak PNB hendaklah mengeluarkan zakat kepada pelaburan yang patuh syarak.

Ruj. kami : Mufti Sel.500-3 Jld.17 (43)
Tarikh : 14 Sya'ban 1438H
11 Mei 2017

4. Bagi tujuan pemantauan, pihak PNB perlu mengemukakan **laporan perkembangan peratusan patuh syarak kepada jabatan ini pada setiap tahun** sepanjang tempoh tiga tahun tersebut.
5. Jabatan ini mendoakan semoga usaha-usaha ke arah penambahbaikan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh PNB diberkati Allah swt.

Sekian, dimaklumkan.

Terima kasih. Wassalam.

" BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA "

Saya yang jujur,



DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYAS BIN ABD WAHID
S.S.I.S., D.P.M.S., P.P.T.
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

s.k.;

YAD TENGKU SERI WANGSA DIRAJA
TENGKU DATO' SETIA RAMLI ALHAJ BIN
TENGKU SHAHRUDDIN SHAH ALHAJ
(Ahli Dewan Diraja Selangor)
No. 2, Jalan Temenggong 12/6,
40000 SHAH ALAM
Selangor